

LAPORAN TAHUNAN 2015 *Annual Report*



Jabatan Alam Sekitar Sarawak
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia

Department of Environment
Ministry of Natural Resources and Environment



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin dan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak 2015 telah dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Jabatan dalam usaha untuk menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun serta memberi gambaran keseluruhan pencapaian JAS Sarawak dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan. Adalah menjadi harapan supaya laporan ini jua dapat membantu meningkatkan kesedaran orang awam terhadap tanggungjawab bersama dalam usaha menjaga dan memulihara alam sekitar.

Seiiring dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat, tidak dinafikan tanggungjawab terhadap alam sekitar di masa akan datang akan lebih mencabar. Oleh itu, perancangan pembangunan berkonsepkan teknologi hijau yang mesra alam sekitar merupakan antara asas utama dalam usaha membendung masalah pencemaran. Dalam hubungan ini juga, JAS Sarawak telah mengambil inisiatif dalam pembangunan modal insan dengan memberi pendedahan serta latihan kepada semua pegawai JAS Sarawak bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penilaian projek-projek pembangunan serta penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Di samping itu, konsep pematuhan sendiri di kalangan industri terus dibangun dan

diperluaskan lagi bagi tujuan pemantauan pelepasan bahan pencemar secara atas talian melalui aplikasi seperti CEMS, OER, eSWIS dan sebagainya.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah banyak memberi kerjasama dan sokongan kepada JAS Sarawak. Kepada warga JAS Sarawak, tahniah dan syabas saya ucapkan atas semangat dan dedikasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Akhir kata saya berharap agar segala kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak di Negeri Sarawak khususnya dapat diteruskan dalam usaha untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar yang lestari, sihat dan kualiti hidup yang lebih baik.

“PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Hajah Azuri Azizah Binti Haji Saedon

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak



PENDAHULUAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak (JAS) ditubuhkan pada tahun 1981 dan dipertanggungjawabkan dengan tugas pemuliharaan alam sekitar ke arah pembangunan lestari, selaras dengan kepesatan pembangunan Negeri Sarawak. Bagi memantapkan lagi pengurusan alam sekitar, maka pejabat JAS Cawangan Bintulu dan JAS Cawangan Miri telah ditubuhkan pada 2 Januari 2001 serta JAS Cawangan Sibu pada 18 Ogos 2003.

Bersesuaian dengan fungsi sebagai agensi yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) bagi mengawal pencemaran alam sekitar, pelaksanaan aktiviti dan program alam sekitar di Negeri Sarawak adalah berlandaskan kepada konsep pembangunan lestari yang mengutamakan keseimbangan pembangunan fizikal di samping keperluan pemuliharaan alam sekitar.

Dari segi struktur pentadbiran, JAS Sarawak diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi) dan Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan) serta tiga Ketua Cawangan.

DASAR ALAM SEKITAR

Pengurusan alam sekitar di Malaysia mula berkuatkuasa berikutan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling pada 14 Mac 1974 dan disusuli dengan penubuhan agensi Bahagian Alam Sekitar pada tahun 1975, dan seterusnya pembentukan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1983. Selaras dengan kepesatan pembangunan negara maka Dasar Alam Sekitar Negara telah diperkenal dan digubal pada tahun 2002 dengan menggabungkan tiga elemen pembangunan lestari iaitu pembangunan ekonomi, sosial dan budaya di samping pemuliharaan alam sekitar.

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diperkenalkan berasaskan kepada pendekatan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia. Ianya digubal dengan penggabungan kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari di bawah lapan prinsip mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi tanpa mengabaikan kepentingan alam sekitar. 8 prinsip DASN adalah ;-

- ✓ Pengawasan Alam Sekitar
- ✓ Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam
- ✓ Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
- ✓ Penggunaan Lestari Sumber-Sumber Asli
- ✓ Membuat Keputusan Bersepadu
- ✓ Peranan Sektor Swasta
- ✓ Komitmen &Kebertanggungjawaban
- ✓ Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

Visi Jabatan

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat.

Misi Jabatan

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara.

OBJEKTIF

Objektif berikut telah ditetapkan oleh JAS Sarawak bagi memastikan keberkesanan pengurusan alam sekitar di Negeri Sarawak:-

- ✓ Mempertingkatkan pemuliharaan dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekitar sedia ada yang meliputi segmen udara, air, air laut dan tanah;
- ✓ Memberikan fokus pengurusan dan kawalan pencemaran bermula dari puncanya;
- ✓ Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan pemaju mengambilkira semua faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, program dan pelan projek-projek pembangunan; dan
- ✓ Mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha memulihara, mengawal dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar di Negeri Sarawak.

FUNGSI


JAS Negeri Sarawak telah memberikan penekanan kepada fungsi-fungsi berikut di dalam usaha mencapai objektif yang telah ditetapkan:-

- ✓ Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- ✓ Memproses Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA);
- ✓ Meneruskan program-program pengawasan kualiti alam sekitar yang meliputi segmen udara, air sungai, air bawah tanah dan air laut serta perairan pantai;
- ✓ Menerapkan input-input alam sekitar dalam penilaian kesesuaian tapak dan permohonan kelulusan bertulis bagi pemasangan alat pembakaran bahan api dan alat-alat kawalan pencemaran; dan
- ✓ Melaksanakan program-program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar.

STRATEGI


Berikut adalah strategi atau pendekatan yang diambil oleh JAS Negeri Sarawak bagi memastikan kualiti alam sekitar dapat diperbaiki dan dipelihara:-

- ✓ Melaksanakan program kawalan dan pencegahan pencemaran;
- ✓ Memberikan penekanan terhadap program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan golongan pelajar;
- ✓ Mengadakan kerjasama erat dengan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri di dalam pengurusan alam sekitar selain terlibat secara aktif di dalam Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Peringkat Negeri Sarawak;
- ✓ Mempertingkatkan keupayaan untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran dan membangunkan pangkalan data yang lebih komprehensif dan sistematik; dan
- ✓ Menjalankan aktiviti pemantauan pencemaran alam sekitar melalui udara dan rondaan darat.



Peta 1.0: Lokasi Pejabat JAS di Negeri Sarawak

STRUKTUR PENTADBIRAN



Rajah 1.0: Struktur Pentadbiran JAS Negeri Sarawak

PIAGAM PELANGGAN

Misi Perkhidmatan Pelanggan:-

“Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

Kelulusan Perancangan

Kebenaran Bertulis: Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) 3 Minggu
EIA Awal (Prosedur Lengkap) 5 Minggu
EIA Terperinci (Lengkap)[Ibu Pejabat JAS] 12 Minggu
Penilaian Awal Tapak (Kilang BARU) 2 Minggu

Pengeluaran Lesen / Kelulusan

Premis Perolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual (Lesen BARU) 2 Minggu
Premis Perolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual (PEMBAHARUAN Lesen) <ul style="list-style-type: none">• Pemohon Hadir• Melalui Pos SERTA MERTA 1 Minggu
Mengeksport Buangan Terjadual [Ibu Pejabat JAS] 5 Minggu
Mengimport Buangan Terjadual [Ibu Pejabat JAS] 3 Minggu
Mengimport/Mengeksport Bahan Kimia Kawalan Konvosyen Rotterdam [Ibu Pejabat JAS] 4 Minggu
Pengurusan Khas Buangan Terjadual [Ibu Pejabat JAS] 4 Minggu
Kilang Getah Asli Mentah (Lesen BARU) 2 Minggu

Kilang Getah Asli Mentah (PEMBAHARUAN Lesen) <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon Hadir • Melalui Pos SERTA MERTA 1 Minggu
Kilang Kelapa Sawit (Lesen BARU) 2 Minggu
Kilang Kelapa Sawit (PEMBAHARUAN Lesen) <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon Hadir • Melalui Pos SERTA MERTA 1 Minggu
Kelulusan Jenis Kenderaan Petrol/Diesel/Motosikal [HQ] 4 Minggu

Penguatkuasaan

Aktiviti Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Berterusan, Pematuhan Maksima, Tegass, Adil
Keluar KOMPAUN SERTA MERTA / 1 Minggu
Kes Tindakan MAHKAMAH Difailkan Dari Tarikh Kesalahan/Siasatan 6 Bulan

Pengaduan Awam

Penyaluran dan Akuan Terima Kes ke Pejabat JAS Negeri/Cawangan Agensi lain SERTA MERTA
Maklumbalas Status Aduan Kepada PENGADU Kurang 2 Minggu
Penyelesaian Kes Aduan Pencemaran 3 Hingga 30 Hari
Penyaluran Kes Aduan Tumpahan Minyak dan Pelupusan Haram Buangan Terjadual ke Pejabat JAS Negeri/Cawangan/Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Marin SERTA MERTA

Perhubungan Awam

Layan Hormat dan Bersopan SERTA MERTA / 5 Minit
Temujanji atau Perubahan Mengikut Masa
Maklumbalas Permohonan Bertulis Data/Maklumat Kualiti Alam Sekeliling 2 Minggu

Pengurusan Kewangan

Pungutan Hasil dan Pengeluaran Resit SERTA MERTA
Bayaran Bil 14 Hari